



GARIS PANDUAN ANUGERAH AKADEMIK UITM

GARIS PANDUAN ANUGERAH AKADEMIK UiTM

1. PENGENALAN

- 1.1 Anugerah Akademik UiTM (AAU) telah diperkenalkan pada tahun 2009. Anugerah Akademik UiTM diadakan setiap tahun dengan tujuan memberi pengiktirafan tertinggi kepada kecemerlangan ahli akademik pelbagai bidang di Universiti Teknologi MARA yang telah banyak menyumbang bagi menaikkan nama universiti dan mengharumkan nama negara di persada kebangsaan dan antarabangsa.
- 1.2 Anugerah ini diwujudkan berdasarkan Anugerah Akademik Negara (AAN) yang diadakan setiap tahun oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada ahli akademik di seluruh Malaysia. Seperti mana AAN, Anugerah Akademik UiTM diadakan setahun sekali dan dikendalikan oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA). Penilaian adalah berdasarkan pencapaian ahli akademik pada tahun sebelumnya.

2. KATEGORI ANUGERAH

AAU terbahagi kepada dua kategori, iaitu kategori utama dan kategori khas seperti berikut:

2.1 Kategori Utama

Nama Anugerah	Hadiah
Anugerah Tokoh Akademik	Medal / Sijil / RM10,000
Anugerah Inovasi & Pengkomersialan Produk	Medal / Sijil / RM5,000
Anugerah Penerbitan Makalah Jurnal	Medal / Sijil / RM5,000
Anugerah Pengajaran	Medal / Sijil / RM5,000
Anugerah Penerbitan Buku	Medal / Sijil / RM5,000
Anugerah Seni & Kreativiti	Medal / Sijil / RM5,000

2.2 Kategori Khas

Nama Anugerah	Hadiah
Anugerah Penyelidik Terbaik	Medal / Sijil / RM500
Anugerah Penulis Terbaik	Medal / Sijil / RM500
Anugerah Penceramah Terbaik	Medal / Sijil / RM500
Anugerah e-Pembelajaran	Medal / Sijil / RM500

Pemenang-pemenang anugerah kategori utama akan dicalonkan untuk Anugerah Akademik Negara.

3. SYARAT & PERATURAN

Syarat dan peraturan AAU adalah berbeza bagi setiap anugerah yang ditawarkan. Namun begitu, terdapat beberapa syarat dasar yang perlu dipatuhi seperti berikut:

- 3.1 Pemohon Anugerah Akademik Universiti Teknologi MARA (UiTM) terbuka kepada pensyarah UiTM sahaja.
- 3.2 Anugerah Akademik UiTM (kecuali bagi Anugerah Tokoh Akademik UiTM) terbuka kepada semua pensyarah yang berkhidmat sepenuh masa sepanjang tahun atau sebahagian daripada tahun yang dinilai di Universiti.
- 3.3 Bagi kategori Anugerah Tokoh Akademik UiTM, sumbangan kumulatif calon berdasarkan anugerah dan pengiktirafan yang diterima sepanjang dan selepas kerjaya akademik akan diambil kira.
- 3.4 Bagi Anugerah Inovasi dan Pengkomersialan Produk, hanya produk yang telah dikomersialkan dan mendapat pulangan daripada jualan yang layak untuk dipertimbangkan.
- 3.5 Permohonan / pencalonan hendaklah menggunakan borang rasmi yang terkini yang boleh dimuat turun dari laman web Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA), UiTM.
- 3.6 Permohonan / pencalonan hendaklah diperakukan oleh Dekan / Rektor / Ketua Jabatan atau wakil yang menjalankan tugasnya / Pemangku. Sekiranya borang pencalonan / permohonan ditandatangani oleh wakil Dekan / Rektor / Ketua Jabatan, surat penurunan kuasa daripada Dekan / Rektor / Ketua Jabatan perlu disertakan.
- 3.7 Bagi Dekan / Rektor / Ketua Jabatan yang menjadi calon, perakuan hendaklah dibuat oleh Naib Canselor.
- 3.8 Semua borang permohonan / pencalonan mestilah diisi dan disertakan dengan maklumat dan bukti yang sah dan lengkap. Permohonan / pencalonan yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan.
- 3.9 Anugerah bagi sesuatu kategori tidak akan diberi sekiranya tiada calon yang layak pada tahun yang dinilai.
- 3.10 Bagi kategori Anugerah Penerbitan Makalah Jurnal, Anugerah Seni dan Kreativiti, Anugerah Penerbitan Buku dan Anugerah Inovasi dan Pengkomersialan Produk, apabila terdapat pemenang yang bergabung usaha dengan bukan warganegara, nilai anugerah akan diagihkan mengikut bahagian warganegara sahaja.
- 3.11 Ahli Jawatankuasa Pemilih/Penilai yang menjadi calon dalam sesuatu kategori tidak boleh terlibat dalam proses penilaian bagi kategori tersebut pada tahun yang dinilai.
- 3.12 Sekiranya terdapat sebarang maklumat palsu atau penipuan, Panel Anugerah Akademik UiTM berhak untuk menarik balik anugerah.
- 3.13 Keputusan Panel Anugerah Akademik UiTM adalah muktamad.

4. JAWATANKUASA & PANEL HAKIM

Jawatankuasa AAU adalah terdiri daripada keahlian berikut:

Pengerusi : Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Ahli : 1. Penolong Naib Canselor (RMI)
2. Penolong Naib Canselor (iLQAM)
3. Pengerusi Gugusan (Sains & Teknologi)
4. Pengerusi Gugusan (Pengurusan & Perniagaan)
5. Pengerusi Gugusan (Sains Sosial & Kemanusiaan)
6. Pengarah Pembangunan Akademik
7. Pengarah Penerbit UiTM
8. Pengarah i-Learn

Setiausaha : Ketua Timbalan Pendaftar (HEA)

Panel Hakim AAU adalah terdiri daripada keahlian berikut:

Pengerusi : Naib Canselor

Ahli : 1. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
2. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
3. Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni)
4. Pendaftar
5. Pengerusi Majlis Profesor
6. Presiden UTIMAS

Setiausaha : Ketua Timbalan Pendaftar (HEA)

PANDUAN ANUGERAH AKADEMIK UiTM disediakan oleh
Bahagian Hal Ehwal Akademik UiTM Shah Alam.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Bahagian Hal Ehwal Akademik
Aras 4, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin
Universiti Teknologi MARA
Shah Alam
Selangor
Tel: 03-55443509/ 55443511/ 55443503
Fax: 03-55443510